



BERNAMA.COM  
Get It Right

Download a 32-page report on YOUR competitor's digital marketing. For free



EKONOMI



TDM Berhad disenarai semula dalam sekuriti patuh Syariah



27/11/2020 01:42 PM

KUALA TERENGGANU, 27 Nov -- Anak syarikat kerajaan negeri Terengganu, TDM Berhad telah dimasukkan semula dalam senarai sekuriti patuh Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) bersama 34 syarikat perladangan lain.

Pengerusinya, Datuk Idris Raja Kamarudin berkata senarai sekuriti patuh Syariah terkini yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) SC berkuat kuasa bermula dari 27 Nov 2020 dan pengiktirafan semula TDM akan mengukuhkan lagi jaminan syarikat kepada pelabur dan pihak berkepentingan bahawa perniagaan mereka mematuhi kriteria yang ditetapkan.

"Pada 2015, Kumpulan TDM telah dikecualikan daripada senarai patuh Syariah kerana tidak mematuhi tanda aras berasaskan aktiviti yang disemak semula dan had yang dibenarkan diperketatkan kepada 5 peratus daripada 10 peratus.

**ANDA DUDUK RUMAH Kami Hantar!**  
halal 2go

DAPATKAN **20%** DISKAUN PESANAN KALI PERTAMA  
**PESAN SEKARANG!**

Kemudahan dengan cepat dan selamat pada waktu malam untuk anda. Dapatkan manfaat sehingga RM45.00! Hadkan pada masa 2 minggu.

"Pada Oktober 2018, TDM, telah menyusun Nota IDR dan Nota Berkaitan Kredit mengikut tetapan tanda aras yang disemak semula.

"Hari ini, TDM dengan bangganya merupakan antara 715 saham patuh Syariah di Bursa Malaysia," katanya dalam kenyataan hari ini.

Kumpulan TDM kini memberikan fokus kepada strategi dan pelan kesinambungan selain aktif dalam bidang penjagaan kesihatan melalui anak syarikat, Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd (KMIHealthcare), yang menguruskan empat hospital pakar iaitu Kuala Terengganu Specialist Hospital (KTSH), Kuantan Medical Centre (KMC), Kelana Jaya Medical Centre (KJMC) dan Taman Desa Medical Centre (TDMC).

Dengan pengambilalihan TDM-YT Plantation Sdn Bhd, yang sebelum ini dikenali sebagai THP-YT Plantation Sdn Bhd, TDM kini memiliki dan menguruskan 17 ladang kelapa sawit, tiga buah kilang, tiga kilang bio-organik dan tiga loji biogas yang terletak di Terengganu dan Indonesia.

-- BERNAMA



ADVERTISEMENT

vimeo

All things video under one video roof.

Start free trial →

#### MENARIK



Sewa muzium, Gerakan buat laporan SPRM



Salah guna kedudukan: Hukuman terhadap bekas pengarah eksekutif DBKL diketepikan



KPN, tiga yang lain harus fail memorandum kehadiran sebelum 9 Dis